

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1. 0 PENDAHULUAN

Pembinaan ayat dalam bahasa Arab terdiri daripada tiga bentuk : *Jumlat ismiyyat*, *jumlat fi'liyyat* dan *syibh al-Jumlat*. Ada dua unsur penting dalam pembentukan *jumlat ismiyyat* iaitu mutbada' dan khabar. Pada umumnya dari segi sintaksis bahasa Arab, antara ciri-ciri asal yang perlu ada dalam pembentukan mutbada' adalah ma'rifa \underline{t} atau subjek difinit atau kata nama khas, ditentukan dan khabar adalah nakira \underline{t} atau indifinit atau kata nama am.

Walaubagaimanapun sebagai pengguna bahasa al-Quran ini, penulis seringkali bertemu beberapa ayat dalam buku-buku bahasa Arab sama ada buku-buku nahu, balaghah dan sastera yang mengandungi ayat yang terdiri daripada mutbada' nakira \underline{t} dan khabar ma'rifa \underline{t} iaitu berbeza dengan ciri-ciri umum yang dinyatakan dalam buku-buku nahu bahasa Arab seperti yang diketahui umum. Penulis juga mendapati hal ini apabila membaca dan menghayati ayat-ayat dalam al-Quran al-Karim, kalam *Rabbul Jali:l*. Ada banyak tempat di dalam ayat-ayat al-Quran yang menggunakan mutbada' nakira \underline{t} dan khabar ma'rifa \underline{t} . Penemuan ini menjadikan penulis tertanya-tanya akan penjelasan yang dapat menjelaskan kedudukan pembentukan pengecualian kepada hukum asal mutbada' dan khabar ini. Justeru penulis ingin mengambil peluang untuk mengungkap persoalan di sebalik pembentukan mutbada' nakira \underline{t} dan khabar ma'rifa \underline{t} di tempat-tempat tertentu di dalam bahasa Arab dan cuba memahami penggunaannya di dalam al-Quran yang merupakan rujukan pertama penyusunan sistem bahasa Arab yang meliputi

semua bidang: Fonologi, morfologi, sintaksis , semantik dan retorik dengan melihat kepada potongan-potongan ayat dalam Surah al-Baqarah. Penulis yakin dan percaya bahawa setiap potongan ayat dalam al-Quran mengandungi sebabnya yang pasti menyerlahkan keindahan dan keunikan kalam Pencipta Yang Maha Agung.

Cubaan penulis untuk memahami bentuk-bentuk pengecualian mutbada' nakirat dan khabar ma'rifa \underline{t} adalah satu usaha untuk mendalami ilmu bahasa Arab yang memerlukan penelitian dan pendetailan serta kejituuan pemahaman. Penulis amat mengharapkan bimbingan, perkongsian idea dan ilmu serta pengalaman dari semua pihak untuk menyempurnakan kajian ini dengan harapan boleh dijadikan rujukan buat pencinta bahasa al-Quran dan dengannya keimanan serta ketaqwaan kita dapat ditingkatkan dalam usaha mendekatkan diri dengan Tuhan Rabbul 'Izzati.

1. 1 PERMASALAHAN KAJIAN

Persoalan mutbada' dan khabar banyak dibahaskan dalam kitab-kitab nahu bahasa Arab. Para ulama' nahu bahasa Arab membincangkannya dalam seluruh kitab-kitab nahu mereka. Oleh kerana mutbada' dan khabar merupakan topik asas dalam bidang nahu bahasa Arab, maka perbincangan dan kupasan tentangnya terdapat dalam kebanyakan buku-buku nahu yang dibaca. Hukum asal bagi mutbada' dan khabar seperti yang dipelajari menyatakan bahawa mutbada' itu hukumnya haruslah dalam bentuk ma'rifa \underline{t} iaitu KN khas dan khabar pula hukumnya haruslah dalam bentuk nakirat atau KN am. Namun seperti yang dimaklumi umum ada pengecualian terhadap hukum pembentukan kedua-dua asas nahu yang penting ini, iaitu ada sesetengah tempat dan ketika

pengecualian boleh berlaku iaitu mubtada' yang asalnya ma'rifat boleh menjadi mubtada' nakirat.

Demikian juga dengan khabar yang biasanya pembentukannya adalah nakirat boleh bertukar menjadi ma'rifat. Biarpun pengecualian ini hanyalah satu persoalan kecil dalam ilmu nahu namun penulis ingin cuba mencari dan mengungkap persoalan ini dengan lebih terperinci. Tambahan pula apabila penulis sering menemukan pengecualian yang berlaku kepada dua topik asas nahu ini dalam ayat-ayat al-Quran yang dibaca. Penulis berpendapat sudah tentu ada sebab musabab mengapa pengecualian ini boleh berlaku apatah lagi dilihat kepada kemu'jizatan al-Quran dari segi bahasanya.

Dari bacaan awal , penulis mendapati kebanyakan rujukan nahu dalam bahasa Arab ada membahaskan persoalan asas mubtada' dan khabar, namun tidak semua dalam kalangan mereka yang menyentuh persoalan pengecualian ini iaitu mubtada' nakirat dan khabar ma'rifat. Persoalan mubtada' nakirat ada dibincangkan dalam satu bahagian kecil dalam buku-buku nahu. Tetapi penulis sukar memperolehi penjelasan mendalam tentang persoalan khabar ma'rifat dari buku-buku nahu bahasa Arab baik buku-buku lama mahupun buku-buku nahu bahasa Arab terkemudian, sedangkan pengecualian asal hukum nahu ini memang terdapat dalam al-Quran.

Justeru penulis cuba mengumpulkan maklumat yang berkaitan seterusnya menganalisis dan menghuraikan dalam bentuk penulisan supaya persoalan di atas boleh terjawab dengan lebih jelas.

Penulis memilih Surah al-Baqarah sebagai contoh khas untuk meneliti dan menganalisis bentuk-bentuk penggunaan mubtada' nakirat dan khabar ma'rifa \underline{t} di dalam al-Quran kerana surah ini panjang dan mencukupi untuk dijadikan fokus kajian.

1.2 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Sebelum ini terdapat beberapa kajian yang telah dibuat yang menyentuh persoalan mubtada' dan khabar .

Muhammad 'Abd Al-Kha:liq 'Udaimat (1972) dalam bukunya yang memuatkan kajian tentang gaya bahasa al-Quran telah menyenaraikan sebanyak dua puluh dua tempat penggunaan mubtada' nakirat di dalam al-Quran. Beliau menggunakan enam bentuk atau sebab pengecualian bagi konsep ini yang lebih bermaksud tujuan penggunaannya. Beliau mendatangkan sepuluh ayat dengan tujuan sifat, satu ayat dengan sebab mubtada' itu didahului oleh wa:w al-hal, enam ayat dengan sebab bertujuan untuk doa, satu ayat dengan sebab didahului oleh partikel penafian, dua ayat sebagai pendetailan dan dua ayat sebagai penerangan terhadap pembahagian perkara. Namun enam bentuk yang disenaraikan oleh beliau ini belum merangkumi semua sebab atau bentuk lain yang disebutkan di dalam kebanyakan buku-buku nahu bahasa Arab. Bagi konsep khabar ma'rifa pula, penulis mendapati setakat ini beliau tidak membicarakannya dalam tulisan beliau. Kesimpulannya kajian yang beliau lakukan terhadap ayat-ayat al-Quran yang menyentuh konsep nahu ini adalah ringkas dan bukan perbincangan yang mendalam dan belum merangkumi kesemua bentuk yang penulis maksudkan.

Abdul Rahman (1998) dalam kajiannya yang bertajuk `*Pendepenan Subjek dan Predikat Dalam Pembentukan Ayat Namaan di Dalam Bahasa Arab*` telah membincangkan persoalan mutbada' dan khabar yang berkisar sekitar fungsi dan keketikaan pendepanannya. Singkapan kajian yang dibuat terhadap kitab-kitab nahu bahasa Arab telah membantu beliau memperolehi dapatan kajiannya yang menjurus kepada hukum-hukum pendepenan subjek dan predikat.

Kajian beliau merupakan kajian ilmiah mengenai proses pembentukan ayat namaan, melalui pendepenan subjek dan predikat. Penulis memberi langkah-langkah pembentukan ayat tersebut berdasarkan contoh pembentukan ayat dan analisisnya.

Dalam penutup kajian , penulis membuat rumusan dan cadangan tentang kegunaan dan faedah penepenan subjek dan predikat berdasarkan kajiannya. Beliau mendapati ada beberapa faedah yang berbeza di sebalik pendepenan dan pengakhiran subjek dan predikat.

Beliau mendapati faedah susunan biasa bagi subjek dan predikat iaitu subjek dahulu kemudian predikat adalah untuk membezakan struktur ayat namaan dengan struktur ayat kerjaan. Selain itu penyusunan biasa boleh menyatakan hakikat terhadap sesuatu benda jika kehadiran subjek dalam bentuk KN difinit. KN difinit yang menjadi subjek itu difokuskan untuk menerangkan sesuatu hakikat kepada rujukan. Hal ini dapat dikesan melalui fungsi-fungsi perkataan yang wujud di dalam ayat berkenaan. Kehadiran subjek di awal struktur ayat boleh memberi makna khusus tentang perkara yang diterangkan itu. Hal ini dapat dikesan melalui fungsi-fungsi perkataan yang wujud di dalam ayat berkenaan. Maka subjek berfungsi sebagai rujukan terhadap keterangan dalam sesuatu

bentuk ayat. Faedah penyusunan biasa juga adalah untuk mengelakkan berlaku kesamaran dua fungsi utama yang wujud dalam struktur ayat namaan. Hal tersebut boleh berlaku jika subjek dan predikat hadir dalam bentuk yang sama iaitu kedua-duanya KN am atau KN khas. Subjek boleh menjadi asas kepada keterangan yang berdasarkan kepada kata rujukan dari aspek bilangan genus dan juga hubungan di antara kedua-duanya melalui pemakaian kata ganti nama.

Abdul Rahim (2004) dalam kajiannya yang bertajuk `*Penggunaan al-Mubtada' dan al-Khabar Dalam Surah Yusuf* ` pula telah membincangkan secara umum persoalan kedua-dua isu penting ini dalam batasan Surah Yusuf. Beliau telah merungkai persoalan mubtada' dan khabar dengan terperinci dalam Surah Yusuf. Hasil dapatan kajian beliau telah menyenaraikan senarai mubtada' dan khabar yang terdapat dalam surah tersebut. Apabila diteliti pengkaji mendapati hanya 3 tempat sahaja daripada 54 tempat yang menggunakan khabar dalam bentuk nakirat. Namun tumpuan yang dikaji oleh beliau hanyalah berkisar tentang jenis-jenis mubtada' dan khabar serta hukum-hukum pendepanan kedua-duanya tanpa melihat kepada pengecualian yang berlaku kepada syarat atau ciri asal khabar iaitu nakirat. Beliau mencadangkan supaya kajian yang lebih mendalam dibuat terhadap persoalan mubtada' dan khabar dalam bahasa Arab terutamanya Al-Quran supaya rahsia di sebalik keindahan bahasa mukjizat ini dapat disingkap dan dihayati bersama.

Kesimpulannya kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan mubtada' dan khabar telah menyentuh kedua-dua konsep ini dengan mendalam namun persoalan tentang penggunaan mubtada' yang nakirat dan khabar yang ma'rifat dalam bahasa Melayu belum dibuat oleh mana-mana penulis sebelum ini.

Justeru penulis berpendapat persoalan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat perlu dikaji dan diketengahkan supaya ilmu nahu bahasa Arab lebih didekati dan diperdalam.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN:

Melalui kajian kecil ini, penulis berharap dapat memenuhi beberapa objektif penting yang telah digariskan antaranya seperti berikut:

- i- Meneliti perbahasan tentang mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat dalam kalangan ahli nahu bahasa Arab dan mengenalpasti bentuk-bentuk penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat dalam bahasa Arab melalui rujukan buku-buku mereka.
- ii- Mengenalpasti kekerapan dan bentuk penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat yang terdapat dalam al-Quran secara umum.
- iii- Mengenalpasti kekerapan dan bentuk penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat yang terdapat dalam Surah al-Baqarah.
- iv- Menjelaskan sebab-sebab penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat yang digunakan dalam ayat-ayat al-Quran dan dari Surah al-Baqarah yang dipilih.

1.4 - PERSOALAN KAJIAN

Penulis melalui kajian yang dilakukan ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i- Apakah bentuk-bentuk penggunaan mubtada' nakirat dan khabar ma'rifat menurut ahli-ahli nahu bahasa Arab di dalam buku-buku nahu mereka?
- ii- Berapa banyakkah kekerapan yang berlaku terhadap penggunaan mubtada' nakirat dan khabar ma'rifat di dalam ayat-ayat dalam al-Quran dan Surah al-Baqarah?
- iii- Apakah sebab-sebab penggunaan mubtada' nakirat dan khabar ma'rifat yang ada dalam al-Quran dan Surah al-Baqarah?

1.5 - KEPENTINGAN KAJIAN.

Kajian ini penting dilakukan kerana mengetengahkan satu unsur nahu yang menjadi persoalan dalam kalangan pelajar-pelajar bahasa Arab. Analisis data dan dapatan yang diperolehi dapat membantu para pelajar memahami persoalan-persoalan yang berkisar tentang mubtada' nakirat dan khabar ma'rifat. Huraian tentang bentuk-bentuk penggunaan kedua-duanya dapat membantu para pelajar mendalamai pengecualian yang berlaku kepada kedua-duanya.

Hasil penulisan ini juga dapat memberi manfaat kepada guru-guru sekolah dan pensyarah-pensyarah universiti yang boleh menjadikannya sebagai salah satu rujukan ilmiah.

Pengumpulan ayat-ayat al-Quran dan analisis terhadap bentuk-bentuk penggunaan kedua-dua unsur ini dapat membantu para pelajar dan guru-guru mendalaminya dengan lebih terperinci dan dapat dijadikan bahan rujukan pembelajaran dan pengajaran.

1.6 BATASAN KAJIAN.

Bagi memastikan kajian ini berkisar pada tajuk yang dikemukakan, maka penulis akan menumpukan kajian dan membataskannya hanya kepada perkara-perkara berikut:

- i- Kupasan terhadap persoalan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat secara berasingan dalam kalangan ahli nahu bahasa Arab melalui penelitian dalam kitab-kitab dan penulisan mereka.
- ii- Kekerapan penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat dalam al-Quran dengan merujuk kepada buku-buku *mu'jam* dan *i'ra:b* serta tafsir-tafsir al-Quran.
- iii- Kekerapan penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat dalam Surah al-Baqarah dengan merujuk kepada buku-buku *mu'jam* dan *i'ra:b* serta tafsir al-Quran.
- iv- Penjelasan terhadap penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat dari segi bahasa, sintaksis dan semantik dalam Surah al-Baqarah dengan merujuk kepada buku- buku tafsir dan *i'ra:b* al-Quran.

1.7. METODOLOGI KAJIAN.

Kajian ini dilakukan berdasarkan kajian perpustakaan. Penulis mengumpulkan pandangan dan kupasan ahl-ahli nahu bahasa Arab terhadap persoalan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat melalui bacaan dan penelitian buku-buku nahu lama dan terkini serta penulisan-penulisan terpilih mengenai tajuk ini. Penulis menganalisis pendapat dan huraian mereka terhadap persoalan ini. Penulis juga merujuk kepada beberapa kajian yang telah dibuat yang hampir dekat menyentuh tajuk penulisan ini.

Seterusnya kajian dilihat kepada kekerapan penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat di dalam al-Quran al-Karim dengan merujuk kepada *mu'jam* al-Quran , kitab-kitab tafsir dan *i'ra:b* al-Quran. Penulis cuba mencari rahsia pengecualian ini dari segi bahasa, sintaksis dan semantik dengan merujuk kepada buku-buku yang berkaitan. Pencarian pintas melalui internet juga membantu memudahkan penulis mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Analisis data dilakukan setelah penulis berjaya mengumpulkan kesemua bahan-bahan yang diperlukan oleh kajian ini.

1.8 RANGKA KAJIAN.

Penulis cuba menyiapkan kajian ini mengikut rangka yang ditetapkan iaitu:

Bab Pertama : Pengenalan Kajian

Dalam bab pertama penulis menjelaskan latarbelakang kajian yang menyentuh rasional pemilihan tajuk penulisan ini yang merangkumi sebab musababnya. Seterusnya penulis

juga menjelaskan permasalahan kajian yang didapati sehingga mendorong penulisan ini dilakukan.

Objektif dan tujuan penulisan juga dijelaskan dalam bab pertama ini di samping kepentingannya serta persoalan-persoalan yang dipilih untuk diketengahkan. Seterusnya penulis menjelaskan metodologi yang digunakan untuk menyempurnakan penulisan ini di samping dinyatakan rangka kajian yang dirancang untuk diikuti bagi menyiapkan penulisan ini seperti yang sepatutnya.

Bab Kedua : Konsep Mubtada' dan Khabar Dalam Bahasa Arab.

Dalam bab kedua ini penulis menghuraikan konsep mutbada' dan khabar dalam bahasa Arab dengan merujuk kepada hasil-hasil penulisan dan buku-buku para sarjana Arab yang terpilih yang berkaitan dengan tajuk ini baik buku-buku terdahulu mahupun buku-buku terdahulu dan terkemudian. Ia merangkumi definisi atau ta'rif bagi kedua-dua konsep ini iaitu mutbada' dan khabar. Seterusnya dalam bab kedua ini juga penulis menitipkan ciri-ciri dan jenis-jenis mutbada' dan jenis-jenis khabar. Persoalan nakirat dan ma'rifat juga turut disentuh oleh penulis dalam bab ini sebagai penutup bab.

Bab Ketiga : Penggunaan Mubtada' Nakirat dan Khabar Ma'rifat Dalam Bahasa Arab.

Dalam bab ketiga ini, penulis mengeluarkan huraian sarjana Arab terhadap penggunaan mutbada' nakirat dan khabar ma'rifat melalui rujukan terhadap buku-buku dan penulisan mereka. Penulis menjelaskan keketikaan yang berlaku terhadap pengecualian asal hukum mutbada' dan khabar.

Bab Keempat : Penggunaan Mubtada' Nakirat dan Khabar Ma'rifat Dalam al – Quran.

Dalam bab keempat penulis mengeluarkan penggunaan mubtada' nakirat dan khabar ma'rifa dalam al-Quran mengikut penyusunan bentuk-bentuk pengecualian yang berlaku dalam bahasa Arab. Huraian dilakukan terhadap kekerapan penggunaan mubtada' nakirat dan khabar ma'rifa mengikut turutan ayat secara umum.

Bab Kelima : Penggunaan Mubtada' Nakirat dan Khabar Ma'rifa Dalam Surah al-Baqarah .

Dalam bab kelima ini , penulis menyenaraikan penggunaan mubtada' nakirat dan khabar ma'rifa dalam Surah al-Baqarah dengan menyorot kepada rahsia pengecualian yang berlaku berdasarkan kupasan dari segi sintaksis dan semantik . Kupasan dan huraian yang dibuat adalah berdasarkan kepada huraian kitab-kitab tafsir yang *mu'tabar* dan himpunan rujukan fleksi yang terpilih.

Bab Keenam : Rumusan dan Cadangan.

Dalam bab keenam penulis membuat rumusan dan kesimpulan terhadap huraian-huraian yang telah dibuat pada bab-bab sebelumnya. Dalam bab ini dinyatakan juga cadangan-cadangan penulis terhadap penulisan-penulisan yang akan datang berdasarkan pengalaman dan masalah-masalah yang dipelajari sepanjang menyiapkan dan menyempurnakan penulisan kecil ini agar manfaat yang diperolehi dapat dirasai oleh semua pihak yang memerlukannya.

1.10 KESIMPULAN

Penulis merasakan pemilihan tajuk ini yang merupakan satu unsur nahu memerlukan usaha yang tidak sedikit dan tidak kecil. Kepuasan dalam mendalami dan memahami pengecualian mubtada' nakirat dan khabar ma'rifa \underline{t} akan dicapai apabila penulis berjaya mengumpulkan data, menganalisisnya seterusnya membuat penjelasan terhadap persoalan tersebut. Segala tunjuk ajar dan bimbingan serta panduan dari pihak yang memberikan perhatian amatlah diharapkan dalam usaha penulis meneruskan tradisi mencintai ilmu bahasa al-Quran ini. Semoga manfaat dari penulisan kecil ini akan dikongsi bersama pencinta-pencinta ilmu yang lain.